

21 JUN 1999

SEKUMPULAN 10 PEMUDA UMNO BERLEPAS KE KOSOVO

KUALA TERENGGANU, 21 Jun (Bernama) -- Sekumpulan 10 anggota Pergerakan Pemuda UMNO termasuk beberapa orang doktor berlepas ke Kosovo malam tadi bagi menjalankan misi perubatan dan kemanusiaan.

Ketua Majlis Sekretariat Hal Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda UMNO Tengku Zainuddin Tengku Zahid berkata rombongan itu yang diketuai Timbalan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda UMNO, Dr Shamsul Anuar dijangka berada di sana selama dua minggu.

Rombongan itu turut membawa bekalan perubatan bernilai RM50,000 untuk diagih-agihkan kepada mangsa pelarian, katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Katanya misi itu mendapat sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Pergerakan Pemuda melihat peristiwa sebenar yang menimpa umat Islam di Kosovo.

Beliau berkata Pergerakan Pemuda akan merakamkan segala peristiwa sepanjang dua minggu di sana bagi membolehkan masyarakat Malaysia melihat penderitaan yang dialami umat Islam di negara berkenaan.

-- BERNAMA

AYB AKD